

Alam Islam

Rayuan Pemuda Pakistan Kepada Presidennya

Baharu-baharu ini akhbar ((*Sawt al-Islām*)) Mesir telah menyiaran sepucuk surat dari ((Sabir Ahmad)) seorang anak muda Pakistan, yang dihantarkan kepada Field Marshall Ayub Khan, Presiden Pakistan.

(Diterjemahkan oleh: Salahuddin Ali)

Darul Uloom Universiti Deoband, India

Sibir¹ Ahmad menulis antara lain: Dalam masa saya menulis risalah ini kepada tuan, saya bermohon ke hadrat Ilahi Tuhan yang Maha Kuasa, supaya dilimpahkan kemuliaan kepada sekalian Muslimin di Timur dan di Barat, dan disatu padukan hati mereka, hingga jadilah mereka satu umat yang bersatu padu, umat yang mempunyai pendirian yang teguh dan penuh dengan iman yang tulen, dan jiwa yang murni yang membawa kepada kebesaran dan kemuliaan disebabkan amalan mereka yang luhur dan kekal abadi, yang meninggikan kedudukan Islam dan Muslimin umumnya. Tuan! Bukanlah kebesaran yang sebenar itu dengan pangkat yang tinggi dan kemegahan yang palsu, dan tidak juga dengan cakap-cakap yang kosong. Kebesaran yang sebenarnya ialah mereka yang berani kerana agama Allah, tidak merasa gentar menghadap peristiwa yang besar, dan tidak merasa lemah menempuh malapetaka yang ngeri, malahan tetap menghadapinya dengan keteguhan, kesabaran, serta berusaha mempertahankan diri dan negaranya dengan teguh dan kuat dan mengikut apa yang dilakukan oleh Rasulullah *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, yang tetap berdiri

seorang diri di medan Hunayn, tidak berpaling dan beredar ke belakang, malahan tetap maju menghadapi tentera musuh yang banyak itu dengan sepenuh-penuh tenaga dan percaya akan pertolongan Tuhan.

Kita sangat berkehendak kepada alim ulama Islam yang tulen yang menyinari dengan obor petunjuk Rasul-Allah, syariatnya, bahasanya dan ilmunya. Cita-cita kita bahawa Pakistan memiliki sebuah universiti Islam yang menyebarluaskan pengajaran Nabi kita (S.A.W.) dan menyingsingkan fajar menerangi cahayanya yang menghidupkan jiwa dan hati, dan membentukkan seluruh keturunan dengan iman yang teguh sebagaimana iman Nabi (S.A.W.) pada hari yang di dalamnya Abū Ṭālib bapa saudaranya berkata: “Tenangkanlah dirimu dan diriku, wahai anak saudaraku, jangan tanggungkan daku akan perkara yang ku tak berkuasa. Lantas Rasulullah menjawab: Wahai bapa saudaraku! Demi Allah jika diletakkan matahari di tangan kananku dan bulan di tangan kiriku supaya aku tinggalkan perkara ini, aku tetap tidak tinggalkan perkara ini, aku tetap tidak tinggalkan dia hingga Tuhan jayakan perkara ini,

¹ Perkataan sebenar ialah ‘Sabir’.

ataupun aku binasa kerananya. Terkejutlah bapa saudaranya di hadapan kekuatan yang mengatasi segala-gala yang hidup. Bangunlah Rasulullah dalam keadaan menahankan air matanya yang sebak dari permintaan bapa saudaranya itu. Tetapi pada saat itu juga, tibalah ketenangan lalu berkatalah Abū Tālib: Wahai anak saudaraku pergilah dan serukanlah apa yang engkau suka, demi Allah aku tidak akan membiarkan engkau keseorangan.

Syabas! Amatlah baiknya kalau negara Pakistan ada mempunyai sebuah universiti sebagaimana Universiti Azhar yang menyebarkan cahaya ke segala negara-negara Islam dan berkhidmat menyelamatkan dari lembah kesesatan, dan membawa ke arah nur ilmu pengetahuan. Universiti Azhar telah

melalui beberapa zaman tetapi tetap berdiri tidak berganjak dari perjuangannya, laksana gunung yang tetap pada tempatnya.
Tuan! Bahawa cita-cita kita mahukan negara Islam Pakistan yang beragama Islam, agama *Khātim al-Anbiyā'* *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* yang menjadi semulia-mulia makhluk, memiliki sebuah universiti Islam yang mengajar bahasa Arab – bahasa Qur'an dan sunnah. Nabi berbahasa Arab, Qur'an berbahasa Arab dan ahli syurga berbahasa Arab. Saya pohonkan kepada tuan supaya perjuangan tuan untuk Islam dan umat Muslimin. Inilah amanah yang terletak di atas bahu tuan. Tuan akan dihisab di hadapan Tuhan yang Maha Besar lagi Maha Tinggi, yang



Pelajar-pelajar madrasah bahagian puteri, Seberang Perai, bergambar dengan guru "kerja tangan" untuk kenangan

perpisahan setelah menamatkan kursus pelajaran tersebut baharu-baharu ini.

mengetahui akan yang zahir dan yang tersembunyi di hati.

Negara-negara Islam amatlah berhajat kepada mereka yang

Maka dengan apakah jawapan tuan ketika ditanya, dan minta

menyelamatkannya daripada kebinasaan yang terdedah kepada buruan

keterangan itu? Ingatlah akan firman Tuhan yang berbunyi:

anjing serigala Barat dan Timur yang sentiasa

Wa qul i 'imlū fa sayarā Allāhu 'amalakum wa rasūluhu wa al-mu'minūna

bercita-cita hendak menangkap dan membunuhnya. Allah 'Azza wa Jalla

wa saturaddīnā ilā 'ālimi al-ghaybi wa al-shahādati fa yunabbi 'ukum bimā

telah pun menerangkan: "Yurīdūna an yutfi 'ū nūra Allah·

kuntum ta'malūn.(Ayat 105 al-Tawbah). Ertinya: "Katakanlah,

bi afwāhihim wa ya'abā Allāhu illā an yutimma nūrahū wa law kariha

bekerjalah kamu, Allah akan melihat akan bukti pekerjaan

al-kāfirūn." Ertinya: "Mereka itu bercita-cita hendak

kamu dan rasul-Nya bersama orang-orang yang beriman.

memadamkan cahaya Allah (agama-Nya) dengan mulut mereka.

Kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui benda yang

Tetapi Allah tidak mahu melainkan menyempurnakan cahaya-Nya

ghaib-ghaib dan yang nyata, lalu dikhabarkan-Nya kepada kamu

(agama-Nya) sekalipun sangat dibenci oleh orang-orang kafir."

apa-apa yang telah kamu kerjakan."

Demi Allah, umat Islam tidak akan aman dan



Murid-murid perempuan sekolah Melayu "Sang Nila Utama" sedang belajar dalam bilik darjah ilmu sains.

Sekolah Sang Nila Utama ini ialah sekolah menengah Melayu yang pertama sekali di Singapura, telah selamat dibuka pada bulan Oktober yang lalu

sempurna segala kerja buatan, sebelum diperbetulkan terlebih dahulu mengikut ajaran kitab Allah dan sunnah rasul-Nya. Perhatilah! Sejurus ke belakang kepada orang dahulu yang dimuliai, dan fikirkanlah nescaya tuan akan lihat pahlawan-pahlawan yang berjuang di bawah panji-panji Islam, yang telah menewaskan seteru-seteru Islam dan seteru umat Islam. Perjuangan mereka telah ditulis dengan tinta emas di dalam lipatan sejarah. Apakah sebabnya mereka berjaya? Jawabnya tak lain ialah kerana mereka hidup mengikut ideologi mereka. Mereka berkorban dengan harta benda dan nyawa mereka pada jalan meninggikan kalimah Allah dan mengibarkan panji-panji kebenaran. Kami berharap dapat tuan melancarkan satu pemberontakan untuk mengikis penentang-penentang agama, terutama dalam saat ini, ketika fajar kemajuan dan kemerdekaan telah menyinsing di negara Islam Pakistan. Pakistan hari ini telah menjadi tempat perhatian seluruh negara-negara Islam dan kemasyhurannya tercatit dalam lipatan sejarah.

Kita bercita-cita supaya kemajuan Pakistan dipandu dan dipimpin oleh wahyu dari langit (Qur'an) dan pertunjuk-pertunjuk yang dibawa oleh Junjungan kita Nabī Muhammad (S.A.W.). Tidaklah apa yang dipelajari di Barat dan di Timur. Dalam pada itu saya ingin bertanya kepada tuan, kerana apakah umat Islam menumpukan pandangannya kepada Azhar dengan pandangan yang penuh ketinggian dan kebesaran? Perhatikanlah kerana apakah Azhar mencapai kemasyhuran di dunia ini yang tidak ada taranya, berbanding dengan universiti-universiti dan kolej-kolej Islam yang lain? Jawapannya tuan dapat dengan terang dan nyata, iaitu: kerana Azhar ialah tempat tumpuan pemetik-pemetik ilmu yang datang kepadanya dari segenap ceruk dan rantau, datang

meminum dari mata airnya yang tak pernah kering dan lautannya yang tak pernah surut itu. Beberapa banyak ulama yang besar-besar dan penganjur-penganjur yang dihormati berkelulusan dari Azhar. Raja-raja dan sultan-sultan yang berdaulat tunduk kepada al-Azhar, kerana alim ulamanya lebih besar dari raja-raja. Raja-raja berkuasa menghukum ke atas sekalian makhluk-makhluk. Tetapi alim ulama dapat menghukum ke atas raja-raja. Al-Azhar dapat mengeluarkan pakar-pakar dan penganjur-penganjur agama yang membawa suluh laksana bintang menyinari jalan dan memberi petunjuk. Kelebihan al-Azhar dari negara Islam yang lain tak dapat kita terangkan dengan panjang lebar, sekalipun berapa usaha kita mengupasnya. Makin kita lancarkan pena kita menulis dan mencatat jasa-jasanya makin lemahlah kita hendak mensifatkan kelebihan Azhar yang mengeluarkan pakar-pakar agama dan mujahid-mujahid di bawah jagaan dan peliharaan Allah hingga hari kiamat.

Bangkitlah tuan! Membina sebuah universiti

Islam yang teguh seperti itu di negeri kita ini dan rebutlah peluang yang keemasan yang jarang mendapat masa dan peluang yang elok seperti ini. Nama tuan sentiasa dingat dan disebut-sebut serta ditulis di dalam lipatan sejarah yang kekal abadi. Teruskanlah perjalanan tuan pada jalan yang mulia ini. Saya berharap tuan tidak merasa lemah kerana orang Mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih dikasihi oleh Allah daripada Mukmin yang lemah. Tuanlah harapan sekalian Muslimin Pakistan. Sekaliannya menumpukan pandangannya kepada tuan dengan hati yang rindu dan jiwa yang tinggi kepada kemuliaan iman dan keagungannya. Teruskanlah! Allah memberkati tuan. Kami adalah di belakang tuan. Teguhkanlah cita-cita tuan bahawa Allah sedia menolong tuan dan

menetapkan langkah tuan. (*Wa la yunṣuranna Allāhu man yanṣuruḥu inna Allāha la qawiyyun ‘azīz*) “Allah tetap menolong akan orang-orang yang menolong agama-Nya, sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Gagah.”

Saya tidak berkuasa membuat apa-apa selain daripada berkata dengan keluhan jiwa yang merana kerana kesedihan: Ke manakah Pakistan akan pergi? Kepada Blok Merah Komuniskah? Ataupun kepada Blok Kapitaliskah? Ke manakah wahai Pakistan yang dikasihi dan dicintai yang engkaulah negara Islam yang dirikan² di atas dasar kebenaran, dasar Islam yang suci yang disampaikan oleh Nabī Muhammad Penyudah Sekalian nabi-nabi dan rasul, *ṣalawātu Allāhu ‘alayh*. Perjalanan yang patut dan seyogia diikuti ialah perjalanan *Sayyid al-Awwalīn wa al-Ākhirīn* yang terang-benderang sperti lampu menyuluh jalan kepada kita: yang membawa kejayaan kepada pengikut-pengikutnya dengan syurga *Jannāh al-Na‘īm*, berserta syuhada dan *ṣiddīqīn*.

Wahai tuan yang mulia! Korbankanlah segala tenaga dan harta benda tuan kerana mendirikan sebuah universiti Islam. Allah akan menolong tuan dan tuan akan mendapat kejayaan dan mengatasi segala seterus dan pengacau ketenteraman. Teguhkanlah cita-cita bahawa kemuliaan membina universiti Islam sebagai contoh itu akan kembali kepada tuan. Janganlah terpedaya dengan keduniaan dan perhiasannya yang fana ini. Saya sentiasa menumpukan cita-cita dan harapan supaya dapat tuan menurut jejak *Khulafā’ al-Rāshidīn* dan sekalian sahabat-sahabat Rasulullah yang tak pernah merasa takut akan apa jua celaan yang datang dalam menjalankan hukum-hukum Allah. Cita-cita

yang bertapak di sanubari saya bahawa hendaklah tiap-tiap rakyat jelata negeri kita dapat memperkatakan segala keinginannya dan hendaklah tuan membawa tauladan yang baik sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. (*Wa lakum fī rasūli Allāhi uswatuḥ ḥasanatūn li man kāna yarjū Allāha wa al-yawma al-ākhira wa dhakara Allāha kathīrā*). “Dan bagi kamu pada Rasulullah itu ialah ikutan yang elok iaitu mereka yang berharap akan Allah dan hari Akhirat dan sangat-sangat mengingat akan Allah.

Bacalah!

Sudah terbit!

Buku-buku Syuhada

Disusun oleh:

Edrus

- | | |
|-------------------------------------|--------|
| 1. Ḥamzah bin ‘Abd al-Muṭalib | 50 sen |
| 2. Nusaybah – Pahlawan Wanita Islam | 50 ” |
| 3. ‘Ikrimah bin Abū Jahl | 50 ” |
| 4. Sa‘ad bin Rabī‘ | 50 ” |
| 5. Sa‘ad bin Muādh | 50 ” |
| 6. Nu‘mān bin Maqrān | 50 ” |
| 7. Ja‘far bin Abi Talib | 50 ” |
| 8. Anak ‘Abd Allāh bin Ubay | 50 ” |
| 9. Anak angkat Rasulullah | 50 ” |
| 10. Abū Hudhayfah bin ‘Utbah | 50 ” |

di-terbitkan oleh:

QALAM

356/358 GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

3 Ayat yang dipetik bersalah dengan sumber, ayat 21, Sūrat al-Āḥzāb. Ayat sebenar adalah seperti berikut: “*Laqad kāna lakum fī rasūli Allāhi uswatuḥ ḥasanatūn li man kāna yarjū Allāha wa al-yawma al-ākhira wa dhakara Allāha kathīrā*”

² Perkataan sebenar ialah ‘didirikan’.